



**INPUT PERCAKAPAN
YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**MESYUARAT PENYELARASAN ANTARA MENTERI
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH DENGAN EXCO-EXCO
LUAR BANDAR (MEXCLUB)**

BIL. 2 TAHUN 2023

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

11 OKTOBER 2023 | 9.00 PAGI

PERUTUSAN MESYUARAT

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

SALUTASI SEWAJARNYA

PENDAHULUAN

1. Sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), saya akui bahawa kuasa politik yang diamanahkan oleh rakyat melalui proses demokrasi, perlu digunakan sebaiknya bagi mencapai matlamat tertentu. Dalam konteks ini, saya bertanggungjawab untuk meneraju kemajuan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat di perdesaan secara menyeluruh dan berkesan.
2. Saya juga menginsafi firman Allah SWT di dalam Surah al-Sad, ayat 26:

يَا دَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ ۚ إِنَّ الَّذِينَ يَظْلُمُونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, karena ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, karena mereka melupakan hari perhitungan.”

3. Justeru saya bersyukur kerana kita dapat berkumpul dan mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Antara Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Dengan Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB) Bilangan 2 Tahun 2023 bagi menterjemah komitmen dalam usaha kita menunaikan amanah dan tanggungjawab yang diberi.
4. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kehadiran dan sokongan YB Exco-Exco Luar Bandar dan pegawai-pegawai kanan agensi pusat dan kerajaan negeri ke mesyuarat ini.

5. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah ke atas perlantikan Exco-Exco Luar Bandar baharu iaitu daripada negeri Selangor, Pulau Pinang, Terengganu, Kelantan dan Kedah.
6. Saya mengucap setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah Negeri Sarawak (MFICORD) yang membantu Kementerian ini untuk mengadakan program-program sampingan kepada ahli MEXCLUB dengan lawatan ke Borneo Empurau Farm & Resort di Serian.

KKDW Bahu Membahu Kerajaan Negeri

7. Kementerian ini sentiasa menyokong penuh pembangunan di negeri-negeri yang mana sebanyak RM6.9 bilion peruntukan pembangunan telah dibelanjakan pada tahun ini dan pada tahun ini, sebanyak RM7.4 bilion diterima untuk dibelanjakan untuk pembangunan desa.
8. Kementerian menjangkakan peruntukan pembangunan ini meningkat kepada RM7.7 bilion pada tahun hadapan dan saya berharap agar YAB Perdana Menteri akan

meluluskannya melalui Belanjawan Tahun 2024 yang akan diumumkan pada Jumaat nanti.

Strategi Pembangunan Wilayah Sarawak

9. Mesyuarat kali ini diadakan di Negeri Sarawak bagi membolehkan ahli-ahli Mesyuarat melihat dengan lebih dekat strategi pembangunan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam mensasarkan Sarawak sebagai sebuah negeri berpendapatan tinggi seterusnya memberi tumpuan kepada kelestarian alam sekitar dan keterangkuman sosial.
10. Saya difahamkan Kerajaan Negeri Sarawak mewujudkan agensi mengikut wilayah bagi mempercepatkan pembangunan wilayah-wilayah di Sarawak dengan mengoptimumkan peruntukan melalui sasaran pembangunan yang ditetapkan.
11. Tatakelola tadbir urus Kerajaan Negeri juga amat membanggakan yang mana sistem perolehan yang digunakan adalah telus dengan pelantikan kontraktor melalui cabutan undi.

KKDW Bahu Membahu Kerajaan Negeri Sarawak

12. Kementerian ini turut bahu membahu dalam pembangunan negeri Sarawak dengan memperuntukkan sebanyak RM917 juta tahun ini untuk melaksanakan 241 projek infrastruktur di Sarawak pada tahun ini.
13. Bahkan khidmat sosial melalui perkhidmatan bas MARA Liner di Samarahan, Santubong turut diperkenalkan agar kepentingan masyarakat setempat dijamin.
14. Ini adalah *game changer* dalam menyokong ketelusan inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak dalam memberi perkhidmatan pengangkutan yang terbaik melalui bas sekolah percuma di kawasan tersebut malahan turut memperkenalkan inovasi baharu di negara ini melalui bas hidrogen percuma di sekitar Kuching.
15. Pusat Kecemerlangan Teknologi Sarawak (CENTEXS) yang melaksanakan program-program TVET mampu meletakkan negeri Sarawak di garisan paling hadapan dalam penyediaan kursus-kursus latihan berkemahiran tinggi berkait rapat dengan bidang hidrogen, kenderaan elektrik (EV), tenaga solar dan sebagainya.

16. Kursus berteknologi seperti ini perlu dilihat agar ianya bersesuaian dengan kehendak pasaran guna tenaga seterusnya membolehkan para pelajar yang telah bergraduasi mendapat peluang pekerjaan yang cerah di pasaran.

Hala Tuju Pembangunan Desa

17. Pembangunan desa di Malaysia juga perlu dilihat dalam konteks yang lebih fokus yang mana ianya bukan satu proses urbanisasi tetapi memastikan luar bandar mencapai tahap kemajuan sesuai dengan acuan kemajuan dan kelestarian pembangunan desa yakni dengan melalui proses modenisasi dalam konteks cara berfikir, pengurusan ekonomi progresif dan sesuai dengan keperluan semasa.
18. Justeru, saya telah memohon YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha KKDW dan YBhg. Dato' Dr. Pengerusi MARA membentangkan Hala Tuju Baharu bagi organisasi masing-masing agar konsep pembangunan desa dan wilayah yang dibentangkan boleh menjadi panduan dalam pembangunan di negeri agar selari dengan hasrat Kementerian ini.

19. Berdasarkan kemajuan pembangunan Kerajaan yang dinyatakan, saya turut memohon Kerajaan Negeri Sarawak untuk membentangkan Strategi Pembangunan Luar Bandar di Negeri Sarawak untuk inspirasi atau dijadikan contoh buat negeri-negeri yang lain.

Diskusi Isu dan Cabaran Pembangunan Desa di Negeri

20. Saya turut membuka peluang selama 5 minit kepada Exco-Exco Negeri untuk membentangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh negeri untuk kita saling membantu untuk bekerjasama rapat, kebersamaan dan komited dalam pembangunan desa di negara ini.

KESIMPULAN

21. Mesyuarat MEXCLUB pada pagi ini diharap dapat menjadi platform untuk perbincangan secara membina di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memperkukuh persefahaman dalam melaksanakan agenda pembangunan luar bandar.
22. KKDW dan Kerajaan Negeri perlu terus memberikan kerjasama terhadap program yang dilaksanakan termasuklah untuk program-program baharu dalam

perancangan desa progresif. Ini adalah bagi memastikan penduduk luar bandar akan mendapat manfaat daripada program-program yang telah dirancang oleh Kerajaan.

Mesyuarat diteruskan dengan agenda berikutnya seperti mana yang telah diatur.

PEMBENTANGAN KERTAS

Dengan ini saya menjemput pembentang untuk membentangkan kertas pada pagi ini. Dipersilakan:

23. Kertas 1 : Haluan Baharu KKDW

Pembentang : YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

24. Kertas 2 : Hala Tuju Baharu : Memperkasa Ekosistem MARA Dalam Memperbaharui Agenda Pembangunan Luar Bandar

Pembentang: YBhg. Dato' Dr Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Pengerusi Majlis Amanah Rakyat

25. **Kertas 3 : Strategi Pembangunan Luar Bandar di Negeri Sarawak**

Pembentang: Tuan Lester Matthew, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Sarawak

PERBINCANGAN

26. Dipersilakan ahli mesyuarat untuk memberikan pandangan atau sebarang isu untuk dibincangkan dalam mesyuarat ini.

HAL-HAL LAIN

(sekiranya ada)

PENUTUP

27. Terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang telah memberikan cadangan dan pandangan bagi membantu KKDW dalam merencana pembangunan desa dan wilayah.

28. Melalui kerjasama yang erat, semua projek dan program/aktiviti yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam mensejahterakan pembangunan luar bandar dan mewujudkan komuniti desa yang mampan dan berdaya saing.

29. Pejabat KKDW Negeri (PKN) sentiasa membuat *engagement* dan memainkan peranan pro aktif dengan pihak Kerajaan Negeri/ Exco Luar Bandar supaya kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian terutamanya dalam pelaksanaan projek-projek KKDW dapat dipercepatkan dan masyarakat luar bandar mendapat manfaat daripada pelaksanaannya.

30. Mesyuarat ditangguhkan.

Disediakan oleh :

Bahagian Perancangan Strategik

Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Oktober 2023